

Pengisytiharan Majlis Raja-Raja yang bersetuju menamakan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 memberi khabar gembira buat rakyat di seluruh pelosok negara.

Baginda bakal ditabalkan secara rasmi dalam upacara penuh istiadat sebagai Yang di-Pertuan Agong yang seterusnya untuk tempoh lima tahun, esok.

Imej yang dibawa selama ini menjadikan baginda begitu dekat di hati masyarakat dan disambut penuh rasa syukur oleh masyarakat Malaysia.

Diputerakan pada 6 Oktober 1969, Tengku Muhammad Faris Petra menggunakan gelaran Sultan Muhammad V selepas dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan pada 2010.

Selain sifat rendah diri baginda yang kerap turun padang menyertai aktiviti kemasyarakatan bersama rakyat, antara perkara lain yang turut mendapat pujian dan sebutan ramai adalah bagaimana baginda menukar lafaz 'Daulat Tuanku' kepada 'Allahuakbar'.

Ketinggian peribadi dan kerendahan diri baginda sering diperkatakan orang ramai terutama apabila penampilan baginda yang sering memakai jubah serta berkopiah.

Selain itu, baginda yang terkenal dengan sifat Raja berhemah tinggi, mempunyai tutur kata lemah-lembut dan sopan santun.

BIODATA PENUH SULTAN MUHAMMAD V

Nama Penuh Baru:	Sultan Muhammad V
Nama Asal:	Tengku Muhammad Faris Petra
Tarikh Lahir:	6 Oktober 1969
Tempat lahir:	Istana Batu, Kota Bharu, Kelantan
Umur:	48 tahun
Nama ayahanda:	Sultan Ismail Petra
Nama ibunda:	Tengku Anis Tengku Abdul Hamid
Adinda:	Tengku Muhammad Faiz Petra Tengku Muhammad Fakhry Petra Tengku Amalin A'ishah Putri



Pendidikan:

Sekolah Sultan Ismail 1 Kota Bharu sebelum menyambung pelajaran di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur

Oakham School Rutland, England sehingga 1989

Pengajian Diplomatik di St Cross College, Oxford dan Pengajian Islam di Oxford Centre sehingga 1991

- Dilantik sebagai Tengku Mahkota Kelantan pada ulang tahun keputeraan baginda yang ke-16 pada 6 Oktober 1985
- Pada 24 Mei 2009, baginda dilantik menjadi Pemangku Raja Kelantan
- Pada 13 September 2010 baginda menaiki takhta Kerajaan Negeri Kelantan dan menggunakan gelaran Sultan Muhammad V selepas dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan ke-29
- Bidang pendidikan amat diberi perhatian oleh baginda sebagai Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
- Dilantik menjadi Kolonel Yang Di-Pertua Rejimen Artileri Diraja sehingga kini dan juga Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
- Meminati sukan lasak seperti ekspedisi kenderaan pacuan empat roda dan ekuestrian, sukan memanah dan menembak serta gemar memelihara hidupan liar

10



09



08



YANG DI-PERTUAN AGUNG

01 NEGERI SEMBILAN
(31/8/1957 - 1/4/1960)
Almarhum Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad

02 SELANGOR
(14/4/1960 - 1/9/1960)
Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Alaliddin Sulaiman Shah

03 PERLIS
(21/9/1960 - 20/9/1965)
Almarhum Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail

04 TERENGGANU
(21/9/1965 - 20/9/1970)
Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin

05 KEDAH
(21/9/1970 - 20/9/1975)
Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlillah

06 KELANTAN
(21/9/1975 - 29/3/1979)
Almarhum Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim

07 PAHANG
(26/4/1979 - 25/4/1984)
Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah

08 JOHOR
(26/4/1984 - 25/4/1984)
Almarhum Sultan Ismail



ALAT KEBESARAN DIRAJA

PERTUAN AGONG KE-15




KERIS PANJANG DIRAJA

Alat kebesaran Melayu yang sangat dimuliakan adalah keris dan Keris Panjang Diraja adalah alat kebesaran negara yang utama dalam istiadat pertabalan.




COGAN ALAM

Cogan Alam diperbuat daripada perak dengan panjangnya 162.66 sentimeter (sm) berupa suatu bulatan di atas hulu tongkat.



COGAN AGAMA

Cogan Agama adalah juga diperbuat daripada perak. Panjangnya 155.04sm berupa sebatang tongkat bulat berhulu besar.



COKMAR

Cokmar adalah dua batang tongkat pendek berhulukan kubah adalah alat perang zaman dulu. Cokmar diperbuat daripada perak dan panjangnya adalah 81.32sm.





05



06



07



09

PERAK

(26/4/1989 - 25/4/1994)
 Almarhum Sultan Azlan
 Muhibbuddin Shah Ibni
 Almarhum Sultan Yussuf
 Izzuddin Ghafarullahu-lah

10

NEGERI SEMBILAN

(26/4/1994 - 25/4/1999)
 Almarhum Tuanku Ja'afar
 Ibni Almarhum Tuanku
 Abdul Rahman

11

SELANGOR

(26/4/1999 - 21/11/2001)
 Almarhum Sultan
 Salahuddin Abdul Aziz Shah
 Al-Haj Ibni Almarhum Sultan
 Hisamuddin Alam Shah
 Al-Haj

12

PERLIS

(13/12/2001 - 12/12/2006)
 Tuanku Syed Sirajuddin Ibni
 Almarhum Tuanku Syed
 Putra Jamalullail

13

TERENGGANU

(13/12/2006 - 12/12/2011)
 Sultan Mizan Zainal Abidin
 Ibni Almarhum Sultan
 Mahmud Al-Muktafi
 Billah Shah

14

KEDAH

(13/12/2011 - 12/12/2016)
 Tuanku Abdul Halim
 Mu'adzam Shah Ibni
 Almarhum Sultan
 Badlishah

15

KELANTAN

(13/12/2016 - 12/12/2021)
 Sultan Muhammad V


PEDANG, KERIS PANJANG DAN SUNDANG DIRAJA

Pedang, Keris Panjang dan Sundang diraja adalah tiga senjata Melayu lama yang dijadikan sebahagian daripada alat kebesaran Diraja iaitu diambil daripada mata pedang, keris panjang dan sundang zaman purbakala.



PAYUNG UBUR-UBUR KUNING DAN TOMBAK BERAMBU

Payung Ubur-ubur Kuning dan Tombak Berambu ini juga adalah sebahagian daripada alat kebesaran diraja. Terdapat 20 kaki Payung Ubur-ubur Kuning yang diperbuat daripada kain sutera yang berwarna kuning raja.



LAGU NOBAT

Dalam Istiadat Pertabalan, tiga lagu nobat dimainkan iaitu Raja Berangkat semasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat masuk ke Balairung Seri, Menjunjung Duli semasa Alat-alat Pertabalan dibawa masuk ke Balairung Seri, Raja Bertabal selepas Seri Paduka Baginda mengangkat Sumpah Diraja dan Raja Berangkat sekali lagi apabila Seri Paduka Baginda berdua berangkat pulang dari Balairung Seri.

ONG (1957 sehingga kini)

25/4/1989)
 an Iskandar
 Sultan